



Teks Ucapan

**YB Baru Bian
Menteri Kerja Raya
Malaysia**

**Sempena Majlis Sanjungan Budi
Tahun 2018**

**22 November 2018
(Khamis)**

**Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A
Kompleks Kerja Raya**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Haji Sarani bin Haji Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Setiausaha-setiausaha Bahagian KKR

Serta yang diraikan pada hari ini para Pesara

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Selamat Sejahtera dan Selamat Tengahari

1. Saya amat berbesar hati kerana diberikan peluang untuk bersama-sama dengan anda semua dalam **Majlis Sanjungan Budi Tahun 2018** bagi meraikan seramai **34 pesara** dan bakal pesara Kementerian Kerja Raya pada hari ini. Terima kasih diucapkan atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan dan keluarga meluangkan masa

dan datang dari jauh untuk bersama kami dalam majlis penghargaan pada hari ini.

2. Majlis pada hari ini merupakan satu penghargaan daripada pihak Kementerian kepada tuan-tuan dan puan-puan di atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan selama berkhidmat di Kementerian ini. Saya dimaklumkan ada yang telah berkhidmat melebihi 40 tahun di sini. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih atas segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung dan telah membantu mencorakkan Kementerian Kerja Raya untuk berada di kedudukan yang disegani pada masa ini.

Hadirin yang saya hormati,

3. Tempoh masa saya bersama-sama anda semua mungkin tidak lama. Tetapi hasil sumbangan tuan-tuan dan puan-puan dapat saya rasai semenjak hari pertama saya melangkah ke KKR. Seperti mana orang sering berkata "*Rome wasn't build in a day*", begitu juga dengan Kementerian ini. Pelbagai kejayaan telah KKR raikan, tidak lupa dugaan dan cabaran yang pernah kita tempuhi, semuanya telah diharungi dengan tabah dan dapat diatasi dengan kekuatan semangat berpasukan. Sekali lagi, jutaan terima kasih saya ucapkan bagi pihak Kementerian ini di atas jasa bakti yang diberikan oleh setiap pesara dan bakal pesara yang diraikan.

4. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada keluarga pesara yang hadir pada hari ini kerana telah sudi 'meminjamkan' masa dan tenaga tuan-tuan dan puan-puan selama berkhidmat dengan perkhidmatan awam. Di saat tuan-tuan dan puan-puan bertungkus lumus menjalankan amanah yang diberi, mereka turut berperanan memberikan sokongan emosi dan fizikal yang tidak berbelah bahagi. Semoga ketabahan, sokongan dan dorongan yang diberikan diberkati oleh Tuhan dan kita semua dikurniakan kesihatan yang baik, dimudahkan rezeki dan dipanjangkan usia.

Hadirin yang diraikan,

5. Teringat saya akan kata-kata Mark Twain iaitu "*Age is an issue of mind over matter. If you don't mind, it doesn't matter.*" Kata-kata ini ada benarnya kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada esok lusa. Persaraan pada hari ini bukanlah penamat kepada segala-galanya malah mungkin membuka ruang dan peluang kepada sesuatu yang baharu. Mungkin ada yang berminat menceburi bidang perniagaan, menjadi penulis blog atau melibatkan diri dalam kerja-kerja sosial melalui badan-badan amal atau NGO. Saya percaya masyarakat dan negara masih memerlukan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan kerana segala pengalaman yang dimiliki adalah sangat berguna untuk meneruskan khidmat kepada yang memerlukan. Begitu juga dengan KKR. Saya amat berbesar hati sekiranya tuan-tuan dan puan-puan sudi bersama-sama saya dengan menjadi mata dan telinga kepada KKR

dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan integriti Kementerian ini khususnya, dapat ditingkatkan. Dengan lambakan informasi di media sosial sekarang, pengalaman tuan-tuan dan puan-puan amatlah berharga dan diperlukan untuk membantu memberi penerangan atau maklumat yang tepat kepada masyarakat termasuk melalui saluran aduan yang kita ada. Walaupun kita tidak mempunyai alumni KKR, namun kita masih boleh terus berhubung menerusi media sosial dan sesi-sesi perjumpaan yang lain juga.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya juga tertarik dengan info di mana *Majalah International Living* telah menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu destinasi terbaik dalam kalangan negara-negara Asia untuk diduduki selepas bersara bagi tahun 2017 dan 2018. Pemilihan Malaysia ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor antaranya kos sara hidup, kemudahan infrastruktur, cuaca, budaya hormat-menghormati yang dipamerkan dan pelbagai faktor positif yang lain. Sesungguhnya kita sememangnya bertuah kerana dilahirkan sebagai rakyat Malaysia dan kini tuan-tuan dan puan-puan turut bertuah kerana bersara di bumi Malaysia serta berpeluang untuk terus berbakti dalam alam persaraan kelak.

7. Selain itu, saya juga ingin menyeru hadirin semua untuk bersama-sama mengamalkan gaya hidup sihat agar kesihatan diri sentiasa terjaga. Carilah masa dan ruang untuk bersama-sama keluarga dengan bersenam atau melakukan aktiviti-aktiviti fizikal bersama cucu-cucu tersayang. Jaga pemakanan, dapatkan rehat yang mencukupi agar kesihatan mental turut terpelihara serta lakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk memastikan kualiti hidup yang lebih bermakna.

8. Akhir kata daripada saya, selamat bersara dan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan. Semoga kenangan menyertai perkhidmatan awam menjadi memori indah kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya juga berdoa agar segala urusan tuan-tuan dan puan-puan dipermudahkan dan semoga diberkati dengan kesihatan yang berpanjangan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

Sekian, terima kasih.